

TAHAP PENERIMAAN ISLAMIK INFOGRAFIK BERANIMASI DALAM MEMAHAMI AL-QURAN: KAJIAN KES MENERUSI PENCERITAAN SURAH LUQMAN

Nurul Syazwani Afiqah Amir Hamzah¹,

Tengku Fauzan Tengku Anuar²,

Nur Nazihah Rahim³

ABSTRAK

Islamik infografik beranimasi adalah platform yang digunakan untuk memberi pengetahuan tentang Islam melalui pendekatan grafik. Grafik ini memberi kemudahan kepada audien untuk memahaminya kerana mempunyai elemen informasi yang mampu menyampaikan maklumat pada setiap babak grafik tersebut. Hal ini memberi peluang kepada Islamik infografik beranimasi untuk mengimplementasi surah-surat yang terdapat di dalam Al-Quran bagi memudahkan kefahaman audien menerusi penceritaan grafik yang menarik. Namun begitu, kurangnya kajian tentang penceritaan dari surah Luqman memberi peluang kepada Islamik infografik beranimasi untuk menyampaikan maklumat dengan lebih menarik. Surah Luqman merupakan surah yang sarat dengan pendidikan kekeluargaan dan nasihat-nasihat yang perlu disampaikan dalam sesebuah keluarga mengikut lunas-lunas Islam. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan penyelidikan berbentuk kajian kes terhadap surah Luqman bagi memahami konsep Islamik infografik beranimasi dan kesesuaianya untuk diaplikasikan kepada surah tersebut. Sumbangan signifikan daripada kajian ini diharapkan surah Luqman dapat difahami dan diamalkan dalam kehidupan melalui medium Islamik infografik beranimasi.

Kata kunci: Islamik Infografik Beranimasi, Al-Quran, Surah Luqman

PENGENALAN

A) LATAR BELAKANG KAJIAN

Seiring dengan evolusi teknologi yang semakin rancak berkembang, keupayaan untuk seseorang mendapatkan maklumat menjadi semakin mudah dan pantas. Ini diakui oleh Fadzli Adam, Marhana Mohamed Anuar, dan Ab. Hamid Ali (2014), bahawa dunia siber menjadikan lebih cepat, tepat, mudah dan berkesan dalam mendapatkan pelbagai jenis maklumat. Hal ini memberi peluang kepada Muslim untuk berdakwah dalam memahami ajaran Islam menerusi kecanggihan teknologi. Dakwah terus berkembang sejak dari zaman Rasulullah S.A.W sehingga kini. Pelbagai cara dan medium dapat menggiatkan lagi pengembangan usaha dakwah. Salah satu cara pengembangan dakwah di Asia adalah menerusi persembahan wayang kulit. Pertunjukkan wayang kulit telah terbukti mampu berperanan terhadap pengembangan budaya Islam dan menyampaikan dakwah di bumi Jawa (Zulaela, 2014). Tambahan itu, menurut Jb. (2015), wayang kulit menjadi medium dakwah yang mampu menarik perhatian terutamanya masyarakat Jawa. Namun begitu, dari sudut teknologi pula, dakwah dapat disebarluaskan secara global. Islamik infografik beranimasi merupakan salah satu contoh keupayaan teknologi menerusi pendekatan medium multimedia. Menurut Nur Nazihah Rahim (2017), Islamik infografik beranimasi memberi peluang kepada audien dalam menyampaikan maklumat dalam bentuk animasi di samping menyajikan ilmu keislaman menerusi pendekatan yang kreatif dan menarik. Penggunaan Islamik infografik beranimasi dalam memberi kefahaman Al-Quran amat kurang diketengahkan. Justeru, pemahaman Al-Quran boleh ditingkatkan dengan menggunakan medium Islamik infografik beranimasi supaya audien lebih memahami kerana ia mampu disajikan menerusi grafik yang kreatif dan menarik.

B) PERNYATAAN MASALAH

Islamik infografik beranimasi mampu memberi kefahaman dalam bentuk grafik seperti akidah, ibadah, akhlak dan *mu'amalah* (perilaku/perbuatan) (Nur Nazihah Rahim, 2017). Walaubagaimanapun, didapati bahawa kurangnya kajian tentang penceritaan surah Luqman yang disajikan dalam bentuk grafik animasi.

C) OBJEKTIF

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap penerimaan Islamik infografik beranimasi dalam memahami Al-Quran menerusi penceritaan surah Luqman. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- Untuk mengetahui konsep Islamik infografik beranimasi
- Untuk mengenalpasti kepentingan surah Luqman
- Untuk mengetahui elemen-elemen Islamik infografik beranimasi menerusi penceritaan surah Luqman

KAEDAH KAJIAN


Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Islamik infografik beranimasi terlebih dahulu perlu dikaji konsep dan bagaimana wujudnya unsur Islamik dalam infografik. Selain itu, kajian tentang kepentingan surah Luqman perlu dijalankan bagi memastikan adakah surah tersebut sesuai diaplikasikan menerusi Islamik infografik beranimasi. Tambahan itu, elemen Islamik infografik beranimasi perlu dilihat supaya dapat disesuaikan dengan surah Luqman.

ULASAN SEMASA

A) INFOGRAFIK BERANIMASI YANG BERUNSURKAN ISLAM

Infografik beranimasi adalah istilah yang menyamai maksud dengan *motion graphics*. Namun begitu, kedua grafik ini mempunyai sedikit perbezaan dari segi konsep. Menurut Lankow, Ritchie, dan Crooks (2012), *motion graphics* memberi cara yang menarik kerana melibatkan komunikasi dan maklumat yang berkesan kerana disampaikan melalui penggunaan visual dan teks yang direka, disusun dan dirumuskan secara estetik. Nama lain bagi *motion graphics* adalah grafik animasi. Apa yang membezakan grafik animasi dan infografik beranimasi adalah elemen informasi yang terkandung di dalam animasi itu sendiri (Nur Nazihah Rahim, 2017).

Rajah 1: Gambarajah venn infografik beranimasi



Sumber: Nur Nazihah Rahim, Nik Zulkarnaen Khidzir, Anuar Mohd Yusof, dan Khairul Azhar Mat Daud (2015)

Ini menjadikan infografik beranimasi mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbanding grafik-grafik yang lain.

Islamik infografik beranimasi pula wujud kerana adanya elemen Islamik yang disandarkan kepada infografik beranimasi. Infografik beranimasi ini mempunyai kandungan Islamik untuk menyampaikan mesej-mesej Islam kepada audien (Nur Nazihah Rahim, 2017). Tambahan itu, menurut Nur Nazihah Rahim, Nik Zulkarnaen Khidzir, Anuar Mohd Yusof, dan Aznan Zuhid Saidin (2016), perkembangan ICT menjadikan Islamik infografik beranimasi relevan untuk menyampaikan dakwah secara efektif.

B) KELEBIHAN DAN KEPENTINGAN SURAH LUQMAN

Al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang diturunkan oleh Allah secara beransur-ansur melalui malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad SAW. Sebagai Muslim, kita diwajibkan untuk mengimani ayat-ayat Al-Quran dan mengimplimantasi dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Abd. Wahid Hasyim (2009), Al-Quran terdiri daripada 30 juz dan mempunyai 6360 ayat yang terdiri pelbagai ajaran berkaitan ibadah, latihan spiritual dan moral, ilmu berkaitan dengan politik, hukum, ekonomi, sosial, teologi, tasawuf, pendidikan, sejarah dan kebudayaan Islam. Al-Quran merupakan sumber teragung dan terpenting pada masa lalu, kini dan akan datang kepada umat Islam terutamnya dalam memperkasakan mutu dan nilai pendidikan (Arifin Mamat & Adnan Abd Rashid, 2013). Kenyataan ini dipersetujui oleh Nekuei dan Nekuei (2016) bahawa, ayat suci Al-Quran menggunakan istilah kebaikan dalam menyatakan nilai dan norma sebagai salah satu kaedah sosialisasi dan pendidikan yang berkesan. Salah satu surah yang menceritakan perihal pendidikan kekeluargaan terutamanya pendidikan anak-anak adalah surah Luqman. Surah Luqman telah dipilih dalam kajian ini kerana nasihat yang disampaikan oleh kedua ibubapa akan tauhid dan akidah iaitu asas dalam agama Islam dalam sesebuah kekeluargaan. Peranan dan fungsi sesebuah institusi kekeluargaan itu dilihat kecil namun amat memberi kesan terhadap sesebuah masyarakat dan negara. Menurut Adnan Abd Rashid (2014), Luqman Al-Hakim mengajar anaknya tentang tauhid dan sifat-sifat akhlak yang baik, di mana Allah telah mencatatkan peranannya dalam berhubung dengan anak-anak di dalam Al-Quran untuk dicontohi. Luqman Al-Hakim adalah seorang ahli bijaksana yang telah menentukan asas pendidikan kepada anak-anak berdasarkan prinsip akidah, ibadah dan akhlak sebagai prinsip dan teras utama pendidikan (Salasiah Hanim Hamjah, Izzah Nur Aida Zur Raffar, & Rosmawati Mohamad Rasit, 2014). Surah Luqman merupakan surah ke-31 dalam Al-Quran, mempunyai 34 ayat dan merupakan surah Makkiyyah (Khairani Binti Zakariya @ Abd Hamid, Suhaila Binti Abdullah, & Md Saufi Bin Abdul Hamid, 2013; Suhanim Abdullah & Rosnaaini Hamid, 2015). Surah ini sarat terkandung nilai pendidikan yang dapat menjadi pelajaran yang masih relevan dan dapat diaplikasikan dalam proses pendidikan terutamanya pendidikan keluarga (Mukodi, 2011). Saedah Siraj dan Asmaa' Mohd. Arshad (2010) menyatakan bahawa, pendidikan yang betul pada usia muda harus bermula dengan penerapan akidah sebagai asas dalam melakukan akhlak yang baik seperti perigatan Luqman Al-Hakim kepada anaknya di dalam Al-Quran. Surah Luqman juga mampu memberi sumbangan kepada keluarga Muslim dalam menerapkan pendidikan Islam dalam keluarga dengan mencontohi pendidikan keluarga Luqman di dalam Al-Quran (Abd Basyir, 2015). Tambahan itu, menurut Katutu dan Usman (2015), mesej Luqman Al-Hakim sebagai metodologi pendidikan sangat perlu ditekankan dalam pendidikan sekarang kerana ia pendidikan yang bersifat kontemporer dan masih sesuai untuk diperaktikkan sehingga kini. Salah satu rahsia kejayaan Luqman dalam mendidik keluarganya adalah konsep hikmah

(Wahyudin, 2017). Luqman Al-Hakim amat menitikberatkan konsep hikmah tersebut ketika mendidik anak-anaknya untuk taat dengan perintah Allah.

Kajian ini mengkaji surah Luqman dari ayat 12 sehingga 19. Dalam ayat ini, ada tiga nilai pendidikan iaitu pendidikan akidah (larangan menyekutukan Allah, menyakini adanya akhirat), pendidikan *syari'ah* (perintah mendirikan solat, perintah *amar ma'ruf nahi munkar*) dan pendidikan karakter (bersyukur kepada Allah atas kurniaanNya) (Mukodi, 2011). Manakala, menurut Nurul Hidayat (2016), kandungan pendidikan yang terkandung dalam surah Luqman ayat 12-19 ialah keimanan (ketauhidan), ibadah, *amar ma'ruf nahi munkar* dan akhlak yang baik.

Jadual 1: Teras Utama Pendidikan Luqman Al-Hakim terhadap anaknya

Teras Utama	Pendidikan Luqman Al-Hakim terhadap anaknya	Surah Luqman	Justifikasi Pendidikan
Pertama	Tidak mensyirikkan Allah SWT	<i>Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar (Luqman, 13)</i>	Syirik merupakan satu kezaliman yang amat besar.
Kedua	Berbuat baik kepada ibubapa	<i>Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibubapanya, ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelelahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun (Luqman, 14)</i>	Penderitaan seorang ibu semasa mengandung anaknya, yang mengambil masa panjang dan semasa penyusuan bayi.
Ketiga	Penerapan sifat taqwa dan waspada terhadap Allah SWT	<i>Sesungguhnya Allah amat halus pengetahuan-Nya, lagi amat meliputi segala yang tersembunyi (Luqman, 16)</i>	Sentiasa berwaspada terhadap amalan yang dilakukan dan mananam perasaan sentiasa dipantau serta selalu selalu diperingatkan bahawa Allah mengetahui segala sesuatu.
Keempat	Mendirikan solat, membuat makruf dan mencegah kemungkaran serta bersabar	<i>Sesungguhnya, yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya (Luqman, 17)</i>	Perintah supaya melaksanakan tanggungjawab seperti solat dan melakukan <i>amar ma'ruf nahi munkar</i> serta bersabar demi tugas yang dituntut agama.
Kelima	Menjauhkan diri dari sifat sombang, berserdahan dan lunak ketika bercakap	<i>Sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombang, takabur, lagi membangga diri. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai” (Luqman 18 & 19)</i>	Larangan untuk tidak sombang serta meninggi diri kerana perbuatan tersebut tidak disukai Allah. Tambahan itu, perintah untuk mengamalkan kesederhanaan dalam perbuatan dan percakapan serta tidak meninggikan suara seperti suara keldai.

Sumber: Arifin Mamat dan Adnan Abd Rashid (2013)

Menurut Khairani Binti Zakariya @ Abd Hamid *et al.* (2013) pula, dalam ayat tersebut, ada lima kaedah pembangunan moral seperti doktrin iman, kewajiban dalam ibadah, amar makruf nahi munkar, *muraqabah* (pengawasan Allah) dan mengamalkan kelakuan baik.

C) ELEMEN ISLAMIK INFOGRAFIK BERANIMASI MENERUSI PENCERITAAN SURAH LUQMAN

Elemen Islamik infografik beranimasi amat penting semasa membangunkan prototaip dan menjadi garis panduan ketika menjalankannya. Elemen Islamik infografik beranimasi mempunyai tiga elemen utama iaitu teknologi, komunikasi dan informasi (Nur Nazihah Rahim, 2017). Menurut Abd. Aziz Ahmad (2011), teknologi memberi kesan signifikan dalam aktiviti dakwah. Ini kerana, melalui teknologi, dakwah mampu disampaikan dengan lebih berkesan serta cepat tersebar. Tambahan itu, Nor Raudah Hj. Siren (2006) menyatakan bahawa gaya persembahan futuristik dan digabungkan dengan animasi atau imej pergerakan akan kelihatan menarik dan bergaya. Justeru, melalui elemen teknologi, Islamik infografik beranimasi memudahkan kefahaman dalam memahami surah Luqman kerana ia digayakan dengan animasi yang menarik untuk kefahaman audien. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu dititikberatkan ketika mengimplementasi elemen teknologi seperti kerjasama antara pereka dan ahli agama dalam menghasilkan produk teknologi berasaskan Islamik. Menurut Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (2003), dua kumpulan ini perlu berkolaborasi bagi memberi faedah kepada Islam untuk jangka masa panjang. Kenyataan ini disokong oleh Aznan Zuhid Saidin (2012) bahawa kerjasama antara dua golongan ini perlu disepakudakan untuk membuka lebih banyak peluang dan ruang dalam menggunakan teknologi untuk Islam. Sungguhpun begitu, Islamik infografik beranimasi mampu menjadi platform yang terbaik kepada orang bukan Muslim. Ini kerana, Islamik infografik beranimasi amat sesuai

kepada golongan bukan Muslim atau golongan yang baru berjinak dengan Islam (mu'allaf). Menurut Fadzli Adam *et al.* (2014), ini adalah salah satu cara untuk menarik lebih ramai Muslim dan bukan Muslim dalam memahami Islam menerusi media baru.

Jadual 2: Elemen Islamik Infografik Beranimasi

Elemen Islamik infografik beranimasi	Keterangan
Teknologi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pereka perlu bekerjasama dengan golongan ahli agama untuk menghasilkan lebih banyak produk interaktif yang berasaskan Islamik 2. Islamik infografik beranimasi boleh menjadi platform yang terbaik dalam dakwah kepada orang bukan Muslim 3. Teknologi yang dicipta perlu canggih dalam usaha menarik minat orang ramai untuk mempelajari Islam dengan lebih mendalam
Komunikasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Elemen komunikasi perlu mempunyai komponen dakwah (menyebarluaskan Islam) iaitu prinsip <i>al-amru bi ma'ruf wa al-nahiyyi munkar</i> (melakukan kebaikan dan meninggalkan larangan) 2. Islamik infografik beranimasi berpeluang mengingati kepada Tuhan 3. Aktiviti komunikasi dalam Islamik infografik beranimasi mampu meningkatkan tahap ketakwaan
Informasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Informasi yang menyediakan contoh teladan kepada orang ramai untuk mereka contohi 2. Menyediakan informasi yang tepat berdasarkan fakta daripada Al-Quran dan Hadis 3. Menyediakan kefahaman yang mencukupi untuk mengekal informasi bagi jangka masa yang panjang

Sumber: Nur Nazihah Rahim (2017)

Selain itu, elemen komunikasi dilihat amat penting dalam memberi kefahaman dalam surah Luqman. Peranan media komunikasi mesti bermula dari prinsip *al-amru bi al-ma'ruf wa al-nahiyyi munkar* (melakukan kebaikan dan mencegah kemungkar) (Nur Nazihah Rahim, 2017). Prinsip komunikasi ini bukan sahaja diperlukan dalam kehidupan sehari-hari bahkan diperlukan juga dalam dunia maya terutamanya kepada Islamik infografik beranimasi. Ini bagi mengekspresikan kecantikan Islam melalui pendekatan kreatif dan menarik. Islamik infografik beranimasi juga memberi peluang secara tidak langsung kepada audien untuk mengingati Tuhan. Hubungan komunikasi sesama manusia (*Habl min al-nās*) memerlukan hubungan dengan Allah (*Habl min Allah*) sebagai keutamaan yang tertinggi (Mohamad Fauzan Noordin, 2009). Ini menunjukkan bahawa manusia perlu menjadikan Allah sebagai keutamaan dalam semua hal. Tambahan itu, aktiviti komunikasi dalam Islamik infografik beranimasi mampu meningkatkan tahap ketakwaan kepada Allah. Takwa adalah mematuhi perintah dan laranganNya. Seperti yang dinyatakan oleh Allah dalam surah Yunus ayat 6:

Sesungguhnya pada pertukaran malam dan siang silih berganti, dan segala yang dijadikan oleh Allah di langit dan di bumi, ada tanda-tanda yang menunjukkan undang-undang dan peraturan Allah kepada kaum yang mau bertakwa. (Yunus, 10:6)

Elemen informasi juga menjadi elemen yang penting dalam menyampaikan maklumat kepada Islamik infografik beranimasi. Informasi yang terkandung dalam Islamik infografik beranimasi perlu menyediakan contoh teladan kepada orang ramai untuk mereka contohi. Salah satunya adalah dengan memberi nasihat yang baik (Agus Sofyandi Kahfi, 2006). Seperti firman Allah dalam surah An-Nahl ayat 125:

Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmat dan nasihat pengajaran yang baik, dan bahaskanlah mereka secara yang baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat petunjuk. (An-Nahl, 16:125)

Seterusnya, Islamik infografik beranimasi perlu menyediakan informasi yang tepat berdasarkan fakta daripada Al-Quran dan Hadis. Seperti yang sedia maklum bahawa Al-Quran dan Hadis adalah sumber rujukan utama bagi umat Islam dan sebagai rujukan asas serta garis panduan dalam kehidupan. Seharusnya kedua sumber rujukan ini dapat diaplakisikan ke dalam dunia maya seperti mana ianya telah digunakan dalam dunia nyata. Tambahan itu, Islamik infografik beranimasi perlu menyediakan kefahaman yang mencukupi untuk mengekalkan informasi buat jangka masa panjang. Menurut Lankow *et al.* (2012), grafik memberi peluang untuk menyimpan maklumat dalam ingatan mereka untuk jangka masa panjang kerana otak manusia dapat mengingati semula simbol, babak dan gambar. Tanudjaja (2005) juga mengatakan bahawa proses penafsiran Gestalt memberi memori jangka masa panjang untuk otak manusia. Ini membuktikan bahawa Gestalt mampu memberi manfaat kepada manusia untuk memproses visual dengan lebih cepat. Islamik infografik beranimasi telah menggunakan teori Gestalt dalam reka bentuknya. Teori ini melibatkan persepsi visual yang menggambarkan bagaimana kita melihat. Evans dan Thomas (2003) menyatakan bahawa interaksi unsur reka bentuk Gestalt kelihatan lebih dinamik berbanding satu elemen sahaja. Teori gestalt menggunakan elemen seperti *figure/ground* (gambar/latar), *proximity* (kedekatan), *closure* (ketertutupan), *similarity* (persamaan) dan *continuation* (kesinambungan) (Graham, 2008; Tanudjaja, 2005).

PERBINCANGAN

Infografik beranimasi merupakan penambahbaikan daripada *motion graphics*. Elemen informasi yang dipaparkan pada setiap babak grafik tersebut menjadikan perbezaan dalam memahami antara infografik beranimasi dan *motion graphics*. Ini kerana bukan semua *motion graphics* memaparkan informasi teks di skrin, akan tetapi infografik beranimasi pasti mempunyai elemen informasi (teks) pada grafik tersebut. Konsep ini menjadikan infografik beranimasi mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Tambahan itu, kandungan Islamik yang terkandung dalam infografik beranimasi ini memberi peluang kepada audien untuk memahami Islam dengan lebih mudah dengan pendekatan yang lebih kreatif (Nur Nazihah Rahim, 2017).

Surah Luqman menerangkan tentang kepentingan pendidikan kekeluargaan terutamanya pendidikan anak-anak. Penerapan nilai-nilai ketauhidan perlu disemai dalam diri anak-anak supaya menjadi manusia yang taat dan patuh kepada perintah Allah dan menjadi Muslim yang terbaik. Pendidikan yang terbaik seharusnya bermula dari didikan ibubapa di rumah untuk mencorak masa depan anak-anak mereka menurut acuan Islam. Sudah semestinya ibubapa memerlukan manual dalam mendidik anak-anak. Manual yang terbaik adalah menerusi memahami dan mengamalkan ajaran Al-Quran di mana terdapat banyak peraturan dan cara didikan yang sahih.

Salah satu cara pendidikan anak-anak menerusi surah Luqman adalah dengan menggunakan medium Islamik infografik beranimasi. Namun begitu, elemen-elemen yang terdapat dalam grafik tersebut perlu dititikberatkan agar penyampaian mesejnya sampai kepada audien. Gabungan antara elemen informasi, komunikasi dan teknologi perlu seiring untuk menghasilkan grafik yang bermanfaat khususnya kepada institusi pendidikan kekeluargaan.

KESIMPULAN

Penceritaan surah Luqman mampu menjadikan pemahaman Al-Quran lebih mudah dengan menggunakan medium Islamik infografik beranimasi. Medium ini mampu menjadi daya tarikan kepada audien untuk mempelajari Islam kerana penyampaian mesej lebih santai tetapi sarat dengan pengetahuan agama. Penggunaan Islamik infografik beranimasi seharusnya tidak hanya terbatas kepada surah Luqman sahaja, akan tetapi surah-surah lain yang terdapat juga dalam Al-Quran. Ini kerana, platform ini mampu menarik Muslim dan juga bukan Muslim untuk terus mempelajari dan istiqamah dengan Al-Quran.

RUJUKAN

- Abd Basyir. (2015). Model Pendidikan Keluarga Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Mu'adalah Jurnal Studi Gender dan Anak*, 3(1), 49-66.
- Abd. Aziz Ahmad. (2011). Multimedia Dalam Pengembangan Dakwah Islamiyah. *Al-Fikr*, 15(1).
- Abd. Wahid Hasyim. (2009). Konsep Pendidikan Dalam Al-Quran. *edukasi*, 1(1), 48-56.
- Adnan Abd Rashid. (2014). Islamic Paradigms for Women's Education and Their Roles to Bring up Tawhidic Ummah (Believed Nation). *Asian Journal of Management Sciences & Education*, 3(2), 136-141.
- Agus Sofyandi Kahfi. (2006). Informasi dalam Perspektif Islam. *Mediator*, 7(No. 2).
- Arifin Mamat, & Adnan Abd Rashid. (2013). Aplikasi Nilai-Nilai Murni Berlandaskan Tema Luqman Al-Hakim di dalam Al-Quran sebagai Asas Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6(2), 133-142.
- Aznan Zuhid Saidin. (2012). Teknologi Pun Berkhidmat Untuk Islam. *Solusi*, 42, 54-55.
- Evans, P., & Thomas, M. (2003). *Exploring The Elements of Design*. New York: Thomson Delmar Learning.
- Fadzli Adam, Marhana Mohamed Anuar, & Ab. Hamid Ali. (2014). The use of blog as a medium of Islamic da'wah in Malaysia. *International Journal of Sustainable Human Development*, 2(2), 79 - 80.
- Graham, L. (2008). Gestalt Theory in Interactive Media Design. *Journal of Humanities and Social Science*, 2(1), 1 - 11.
- Jb., M. C. (2015). Spiritualitas Islam dalam Budaya Wayang Kulit Masyarakat Jawa dan Sunda. *Jurnal Ilmiah Sosiologi Agama*, 9(1), 38-61.
- Katutu, A., & Usman, A. H. (2015). Lukman Al Hakim Messages: A Theoretical Model on How to Teach In Modern Era. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(6), 175-180.
- Khairani Binti Zakariya @ Abd Hamid, Suhaila Binti Abdullah, & Md Saufi Bin Abdul Hamid. (2013). Methods On Moral Development Of Teenagers By Luqman Al-Hakim: Application In Religious School Programs. *Journal of Education and Learning*, 7(2), 75-84.
- Lankow, J., Ritchie, J., & Crooks, R. (2012). *Infographics: The Power of Visual Storytelling*. Canada: John Wiley& Sons, Inc., Hoboken, New Jersey.
- Mohamad Fauzan Noordin. (2009). *ICT and Islam* (First Edition ed.). IIUM: IIUM Press.
- Mukodi. (2011). Nilai-Nilai Pendidikan Dalam Surat Luqman. *Walisongo*, 19(2), 429-450.
- Nekuei, A., & Nekuei, E. (2016). Study of Family's Role in Their Children's Training From the Perspective of the Holy Quran. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 5(6), 38-42.
- Nor Raudah Hj. Siren. (2006). E-Dakwah: Kepentingan dan Pelaksanaannya di Malaysia. In Nor Raudah Hj. Siren, Yusmini Mohd. Yusoff & Mahmudah Hj. Nawawi (Eds.), *Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Pelaksanaan* (pp. 107-120). Kuala Lumpur: umpress.
- Nur Nazihah Rahim. (2017). *An Islamic Animated Infographic Model for Da'wah Dissemination: A Case Study of Prophet's Sunnah in Eating and Drinking*. (Master of Art), Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Nazihah Rahim, Nik Zulkarnaen Khidzir, Anuar Mohd Yusof, & Aznan Zuhid Saidin. (2016). *An Assessment of Quality on Animated Infographics in an Islamic Context*. Paper presented at the International Conference on Teaching and Learning in Education (ICTLE2016).

- Nur Nazihah Rahim, Nik Zulkarnaen Khidzir, Anuar Mohd Yusof, & Khairul Azhar Mat Daud. (2015). *Towards A Conceptual Framework of Animated Infographics in an Islamic Context*. Paper presented at the 1st International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2015), Malacca.
- Nurul Hidayat. (2016). Konsep Pendidikan Islam Menurut Q.S Luqman Ayat 12-19. *Ta'allum*, 4(2).
- Saedah Siraj, & Asmaa' Mohd. Arshad. (2010). Ibn Miskawayh and Al-Ghazali Viewpoints on Children's Character Development and EducationPsychology of Education (pp. 53-72).
- Salasiah Hanim Hamjah, Izzah Nur Aida Zur Raffar, & Rosmawati Mohamad Rasit. (2014). *Filem dan Gaya Kepimpinan Keluarga Melayu: Analisis Dari Perspektif Islam*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective, UKM.
- Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh. (2003). Strengthening Dakwah with Technology. Retrieved from <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/new-strait-times/6901-strengthening-dakwah-with-technology>
- Suhanim Abdullah, & Rosnaaini Hamid. (2015). *Wasiat Luqman Al-Hakim Tentang Sifat-Sifat Tercela dan Terpuji*. Paper presented at the International Seminar on Al-Quran in Contemporary Society, UniSZA.
- Tanudjaja, B. B. (2005). Aplikasi Prinsip Gestalt Pada Media Desain Komunikasi Visual. *NIRMANA*, 7(1).
- Wahyudin, W. (2017). Family Education According to Luqman Al-Hakim. *Jurnal Keislaman, Kemasyarakatan dan Kebudayaan*.
- Zulaela, W. (2014). Peranan Wayang Kulit Dalam Pengembangan Budaya Islam. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Sejarah IKIP Veteran Semarang*, 1(1), 89-102.

Nurul Syazwani Afiqah Amir Hamzah¹,
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
[wanipqa@gmail.com](mailto:waniqqa@gmail.com)¹,

Tengku Fauzan Tengku Anuar²,
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
tengkufauzan@umk.edu.my²,

Nur Nazihah Rahim³
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
nziehaa@yahoo.com³